

14/10/1997

Jerebu: Kakitangan MAS bantah Ling

PETALING JAYA, Isnin - Kakitangan Penerbangan Malaysia (MAS) hari ini menyerahkan memorandum kepada Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik sebagai membantah kenyataan beliau yang mendakwa mereka tidak prihatin kepada penumpang yang terkandas akibat jerebu, baru-baru ini.

Salinan memorandum tiga muka surat yang ditandatangani enam wakil Jawatankuasa Khas Kakitangan MAS turut dihantar kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim; dan Pengerusi MAS, Tan Sri Tajudin Ramli.

Menurut memorandum itu, kenyataan Dr Ling kepada pihak media minggu lalu tidak berasas sama sekali, malah menimbulkan banyak kekeliruan terhadap nama baik syarikat penerbangan itu.

"Setelah bertungkus lumus tanpa mengira masa, makan dan minum demi kepentingan penumpang, kenyataan yang dibuat (oleh Dr Ling) melalui media telah menjatuhkan moral kami," katanya.

Salinan memorandum itu turut diedarkan kepada wakil media ketika kira-kira 1,000 kakitangan MAS mengadakan perjumpaan secara aman di Akademi Penerbangan Malaysia di Kelana Jaya, dekat sini, hari ini.

Sempena perjumpaan itu, kakitangan MAS turut membawa beberapa sepanduk sebagai menunjukkan rasa tidak puas hati mereka terhadap kenyataan Dr Ling.

Rabu lalu, Dr Ling dilaporkan berkata, Kabinet menerima banyak laporan menyatakan pelanggan MAS menghadapi kemusykilan, dengan ada di antara mereka yang tidak dimaklumkan mengenai pembatalan dan penundaan penerbangan serta ada pula diminta menunggu lama tanpa disediakan makanan atau minuman.

(END)